

BIODATA

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

Abdul Rahman Al-Ahmadi adalah anak kelahiran Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Pasir Mas dan Kota Bharu sebelum menuntut di Sekolah Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat (1947) dan Sekolah Menengah Atas, Jakarta (1950). Beliau memperolehi gelaran 'Doktorandus' dalam hubungan Antarabangsa daripada Universiti Gajah Mada (1961) dan Ijazah Sarjana dalam sejarah dari Universiti Malaya pada tahun 1978. Beliau menyambung pengajian di Ecole des Hautes en Scineces Sociales, Paris atas biaya Kerajaan Perancis.

Beliau menjadi pengarah majalah Dian yang diterbitkan oleh Pustaka Dias Press pada tahun 1964-1969, mengajar di Yayasan Pengajian Tinggi Nilam Puri, menjadi Pengetua Maktab Adabi Kota Bharu pada tahun 1971-1972, menjadi pensyarah sambilan di Institut Bahasa, kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia daripada tahun 1976-1978. Mulai Jun 1975, beliau mengetuai Unit Ensiklopedia Budaya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Beliau pernah menjadi Muallim Tamu di Perpustakaan Negara Malaysia mulai tahun 1993-1994. Abdul Rahman Al-Ahmadi juga aktif menulis rencana yang berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, agama, sastera, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah tempatan seperti Dian, Mingguan Kota Bharu, Pengasuh, Warisan Kelantan, Dewan Bahasa, Dewan Budaya dan lain-lain majalah terbitan di Kuala Lumpur, Jakarta dan Yogyakarta di samping 'Journal Archipel-Paris'. Beliau juga telah membentangkan lebih daripada lima puluh kertas kerja di peringkat negeri, kebangsaan dan Antarabangsa seperti Seminar Arkeologi Indonesia pada tahun 1989, Seminar Folktales pada tahun 1987 dan lain-lain lagi.

Beberapa tulisan beliau juga telah turut diterjemahkan ke dalam bahasa asing seperti *Notes Toward a history of Malay Periodical in Kelantan, Columbia University, 1976, UN*

Nationaliste du Kelantan: Abd. Kadir Adabi (1901-1944) dalam Aechipel 17, Paris, 1979 (bahasa Perancis) dan sebagainya.

Perpustakaan Negara Malaysia merasa bertuah kerana pada tahun 1994 perpustakaan telah memperolehi koleksi peribadi Abdul Rahman Al-Ahmadi. Koleksi ini merangkumi bahan yang memaparkan sejarah perkembangan pendidikan pondok di negeri Kelantan dan juga bahan yang meliputi bidang sejarah, novel, kitab tajwid, syair, karya ulama, dan majalah, termasuk majalah penting seperti majalah Pengasuh.

Keistimewaan koleksi ini tertumpu kepada pengumpulan karya-karya ulama Kelantan seperti Haji Umar Nuruddin, Sheikh Haji Wan Ali, Haji Ahmad Mahir, Datok Perdana Menteri Haji Nik Mahmud dan Haji Muhammad Nur Ibrahim.